

19/05/1997

Peluang pelajar UPM miliki komputer

Mohd Fuad Razali

PELAJAR Universiti Putra Malaysia (UPM) yang berminat untuk membeli komputer peribadi sendiri dijangka berpeluang berbuat demikian apabila Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) mula membuka kaunternya di universiti itu minggu ini.

Menurut jurucakap Unit Perancangan Korporat UPM, bank itu yang sudah bersetuju untuk menyediakan kemudahan pinjaman bagi skim Satu Pelajar Satu Komputer itu akan berbuat demikian akhir minggu ini.

Katanya, BIMB sudah bersetuju memberikan pinjaman untuk pembelian komputer peribadi itu menerusi skim Bait Bithaman Ajil (BBA).

"Setiap pelajar UPM layak untuk memohon pinjaman berkenaan tidak melebihi RM5,000. Kelulusan permohonan itu bergantung kepada beberapa syarat yang sudah ditentukan oleh UPM," katanya kepada Berita Harian.

Kempen Satu Pelajar Satu Komputer yang dijalankan oleh UPM itu dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 3 April lalu sewaktu mengunjungi universiti berkenaan dan mengisytiharkan nama barunya.

Jurucakap itu berkata, kempen itu adalah satu daripada perancangan strategik UPM untuk meningkatkan keupayaan menguasai komputer di kalangan pelajarinya sesuai dengan kedudukan universiti berkenaan yang berada di tengah Koridor Raya Multimedia (MSC).

Bagi memudahkan pengurusan, sebuah syarikat, Rader Allied Sdn Bhd yang diuruskan oleh pelajar UPM ditubuhkan untuk mengendalikan urusan penerimaan dan pengedaran komputer di dalam kampus.

Untuk mendapatkan pinjaman itu setiap pelajar boleh memilih model komputer yang dikehendaki (berdasarkan prospektus yang ada pada Rader Allied Sdn Bhd), serta menghantar permohonan kepada Unit Perancangan Korporat.

Unit itu akan membuat pertimbangan permohonan berdasarkan kriteria seperti status dan kelayakan biasiswa serta mendapat Purata Gred Mata Timbunan sekurang-kurangnya 2.3.

Apabila permohonan diluluskan UPM akan menjadi penjamin. Berikutan itu, UPM akan membuat potongan biasiswa sebagai bayaran balik serta menahan keputusan peperiksaan mana-mana calon yang tidak melangsaikan bayaran pinjaman itu.

Menurut jurucakap itu, setakat ini ada empat vendor yang akan membekalkan komputer peribadi dalam bentuk notebook kepada pelajar UPM.

Vendor itu ialah Mesiniaga Sdn Bhd, TCP Electronic Sdn Bhd, Linda Ashri Trading dan Ikatan Nagasari Sdn Bhd.

Jurucakap itu berkata, menerusi skim berkenaan, vendor terbabit bersetuju menawarkan harga istimewa kepada pelajar dengan potongan sehingga 40 peratus berbanding harga pasaran.

(END)